

06/07/1997

Koperasi jadi syarikat

iewed by Tajuddin Saman

BUKU ini membicarakan persoalan ekonomi, khususnya yang menjadi wadah perjuangan Koperasi Usaha Bersatu Malaysia Berhad (KUB).

Ia ditulis oleh seorang wartawan berpengalaman, Hambali Latiff, yang mengikuti penuh minat isu KUB sejak mula ditubuhkan lagi, terutama pada waktu koperasi itu didakwa terbabit dalam rasuah sekitar 1987 dan 1988.

Menurut Hambali, Perhimpunan Agung Umno 1995 menjadi permulaan kepada tercetusnya idea menulis buku ini apabila Pengerusi Eksekutifnya, Datuk Hassan Harun, meminta beliau menulis mengenai KUB.

Dalam tempoh dua tahun terakhir ini, pertumbuhan KUB begitu pantas. Ia bukan sekadar bergerak sebagai koperasi, tetapi lebih bersifat korporat dan kemudian menjadi syarikat.

Buku ini ditulis dalam enam bahagian: Pembentukan dan peringkat awal KUB; Era meleset kesan kemelesetan ekonomi dunia; pembentukan semula KUB, iaitu bermulanya pengurusan cara Datuk Hassan; tanggungjawab KUB terhadap pendidikan dan pembabitannya dalam teknologi maklumat; pengkorporatan KUB dan kejayaan pengurusan Melayu.

Dalam tulisannya, Hambali memusatkan fokus yang utama untuk menyelami diri Datuk Hassan dalam menerajui sebuah institusi ekonomi yang begitu penting dalam perjuangan orang Melayu.

Kejayaan Hassan meletakkan dirinya sebagai perancang utama pembangunan KUB pasti menjadi contoh pengurusan yang boleh diteladani oleh kelompok pengurus Melayu lain.

Tidak syak lagi, dalam usahanya, Hassan berjaya menyelamatkan koperasi yang begitu tenat pada suatu ketika. "Kami sudah mencipta kejayaan," demikian ungkapan kata-kata Hassan yang dinukilkan oleh Hambali apabila beliau berjaya menyelamatkan dan mengkorporatkan koperasi itu yang kini bertukar menjadi syarikat - KUB Malaysia Berhad (KUBM).

Hassan yang berjaya membalas kepercayaan Umno dan orang Melayu, khususnya yang menjadi ahli KUB, melakukan semua itu dalam tempoh kira-kira tujuh tahun.

Transformasi daripada koperasi kepada syarikat memerlukan suatu komitmen dan kepemimpinan yang berkesan dan berani. Ia bukanlah ibarat yang pipih datang melayang dan yang bulat datang menggolek.

Seperti pernah diucapkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sesuatu kejayaan tidak dicapai dengan hanya mengucapkan kata-kata tetapi ia diperoleh daripada perancangan yang rapi dan usaha yang bersungguh-sungguh.

Dalam hubungan ini, KUB mencatat sejarah dengan memiliki harta yang begitu banyak sekali gus dan menjadi koperasi pertama bertukar kepada syarikat awam hasil pindaan kepada Akta Koperasi 1993.

Hambali berpendapat kejayaan Hassan boleh dijadikan model inovasi pengurusan Melayu yang selama ini sering diperkecilkan oleh sesetengah kalangan. Keupayaannya memanipulasikan Akta Syarikat melalui anak-anak syarikatnya membolehkan KUB bergerak cergas melalui kepakaran yang sesetengahnya terpaksa "diimport" daripada organisasi lain yang lebih berkembang dan maju berbanding KUB.

Di sinilah, kata Hambali, terletaknya kelebihan Hassan menerajui KUB. Beliau sanggup bekerja dengan gaji yang rendah dan dikelilingi pegawainya bergaji lebih tinggi daripadanya.

Ini dilakukannya kerana beberapa sebab; antaranya Hassan lebih mengutamakan matlamat kejayaan daripada dirinya sendiri dan kedua, dia

lebih mengutamakan kalangan mahir - dalam perkara ini, mereka yang arif mengenai ekonomi, untuk mengendalikan pelbagai masalah yang wujud dalam KUB.

Dalam hal ini, pengurusan cara Hassan sebenarnya mengiktiraf dan menghargai kumpulan profesional. Pengurusannya lebih menjurus kepada cara yang realistik dan pragmatik.

(END)